

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
KASTAM DIRAJA MALAYSIA PADANG BESAR  
(U) PERLIS

OLEH

NATRAH BINTI AZIS  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(PEMASARAN)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

2005



**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
KASTAM DIRAJA MALAYSIA PADANG BESAR  
(U) PERLIS**

**OLEH**

**NATRAH BINTI AZIS  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(PEMASARAN)**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada**

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)**

**2005**

**PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN**

Dengan ini saya **Natrah Binti Azis**, no.matrik UK7990. Mengaku bahawa Laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata – mata. Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan



**Nama: Natrah Binti Azis**

Tarikh: 24/11/2005

Disahkan Oleh:



**Tuan Hj Manan B. Ali**

**Penyelia KUSTEM**

**b/p Pengerusi Latihan Industri**

**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**

**KUSTEM**

## PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah S.W.T, Tuhan yang memerintah alam serta selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan taufik dan hidayahnya dapatlah saya menyiapkan laporan latihan industri dengan jayanya. Laporan latihan industri merupakan satu kertas yang perlu disediakan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk bergraduasi bagi Program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran).

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan penghargaan serta ucapan terima kasih kepada pensyarah Tuan Haji Manan b. Ali penyelia Latihan Industri di atas bimbingannya bagi menyiapkan laporan ini. Juga tidak lupa ucapan terima kasih ditujukan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Padang Besar (U) Perlis kerana telah memberi peluang kepada pelatih untuk menjalani Latihan Industri. Pelatih turut berterima kasih kepada Ketua Stesen Padang Besar dan juga merupakan Penolong Pengarah Kastam Kanan (PKPK) Tuan Haji Masir b. Chik (w48) di atas segala bantuan dan tunjuk ajar yang diberi. Setinggi - tinggi ucapan terima kasih saya tujukan kepada semua yang turut menyumbangkan bantuan dan kerjasama dalam menyiapkan kertas laporan ini. Tidak lupa juga, ucapan terima kasih kepada keluarga yang turut memberi sokongan moral dan semangat sehingga siapnya laporan ini.

**Akhir sekali ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung yang tidak dapat pelatit tintakan di ruang ini tetapi segala bantuan dan kerjasama tuan/puan dalam menyempumakan laporan industri ini amat dihargai.**

## **PRAKATA**

Latihan Industri merupakan salah satu aspek penting dalam program pembangunan pembelajaran Fakulti Pengurusan dan Ekonomi di KUSTEM. Menerusi latihan industri pelajar yang di tempatkan di sektor kerajaan dan swasta berpeluang untuk belajar secara terus melalui pemerhatian dan tinjauan serta latihan mengenai kemahiran dalam banyak bidang kerja.

Pada masa yang sama, pelajar juga berpeluang untuk belajar tentang kaedah pengurusan dan pendidikan dalam organisasi tersebut. Latihan industri memberi pendedahan kepada pelajar mengenai pengalaman asas latihan profesional yang berkaitan dengan bidang pengajian yang diikuti oleh pelajar dikemudian.

Di samping membina dan menjalin hubungan dunia profesional dengan institusi yang menyediakan tempat khas, pelajar juga dapat memahami nilai etika kerja sebenar dan menyesuaikan diri dengan dunia pekerjaan. Latihan industri akan memberi lebih banyak peluang pembelajaran kepada pelajar untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang yang berkaitan.

**ISI KANDUNGAN**

Penghargaan	ii
Prakata	iv
Senarai Jadual	vii
Senarai Carta	viii
Senarai Gambar	ix
Ringkasan Eksekutif	x
<b>Bab 1: Latar Belakang Organisasi</b>	
<b>1.1 Pengenalan</b>	
1.1.1 Latar Belakang Kastam Diraja Malaysia	1
1.1.2 Sejarah Organisasi	8
1.1.3 Objektif utama Kastam Diraja Malaysia Padang Besar	10
<b>1.2 Maklumat Organisasi</b>	
1.2.1 Nama dan alamat organisasi	11
1.2.2 Maklumat lain organisasi dan pencapaian	12
1.2.3 Lembaga Pengarah	19
<b>1.3 Carta Organisasi</b>	
1.3.1 Carta Organisasi Kastam Diraja Malaysia Negeri Perlis	21
1.3.2 Carta Organisasi Kastam Diraja Malaysia Padang Besar	22
<b>1.4 Pemfokusan Kemahiran</b>	23



**Bab 2: Mengenalpasti Masalah dan Cadangan Penyelesaian**

**2.1 Unit dagangan Jalanraya (UDJR)**

2.1.1 Objektif unit	29
2.1.2 Proses pendaftaran borang ikrar	34
2.1.3 Mengenalpasti masalah	39
2.1.4 Cadangan penyelesaian masalah	42
2.1.5 Perlaksanaan cadangan dan implikasi	42

**2.2 Unit Pemeriksaan Penumpang (UKPP), GBA dan KBC**

2.2.1 Objektif unit	46
2.2.2 Proses pelepasan barangan eksport	47
2.2.3 Mengenalpasti masalah	49
2.2.4 Cadangan Penyelesaian masalah	50
2.2.5 Perlaksanaan cadangan dan implikasi	50

**2.3 Unit Dagangan Keretapi (UDKA)**

2.3.1 Objektif unit	53
2.3.2 Proses aktiviti pelepasan fizikal / kontena	54
2.3.3 Mengenalpasti masalah	56
2.3.4 Cadangan penyelesaian masalah	56
2.3.5 Perlaksanaan cadangan dan implikasi	57

**BAB 3 : Penutup** 58

Rujukan

Lampiran

<b>Senarai jadual</b>	<b>Muka surat</b>
<p>Jadual 1: Prestasi pungutan hasil Kastam Diraja Malaysia Perlis suku tahun pertama.</p>	<p>13</p>
<p>Jadual 2: Prestasi pungutan hasil Kastam Diraja Malaysia Perlis suku tahun pertama 2005 mengikut jenis hasil.</p>	<p>14</p>
<p>Jadual 3: Prestasi pungutan hasil Kastam Diraja Malaysia Padang Besar Utara Perlis</p>	<p>15</p>
<p>Jadual 4: Sumbangan cukai 2005 Stesen Padang Besar Utara, Perlis untuk lima bulan pertama.</p>	<p>16</p>
<p>Jadual 5: Senarai proses kerja</p>	<p>32</p>
<p>Jadual 6: Senarai tugas, kuasa dan hubungan pegawai dengan pegawai lain</p>	<p>33</p>
<p>Jadual 7: Jadual sistem kerja bahagian pendaftaran</p>	<p>36</p>
<p>Jadual 8: Aktiviti pelepasan fizikal kontena / gerabak</p>	<p>55</p>

<b>Senarai Carta</b>	<b>Muka surat</b>
Carta 1 : Carta Organisasi KDRM Negeri Perlis	21
Carta 2 : Carta Organisasi Padang Besar	22
Carta 3 : Carta Organisasi Unit Dagangan jalanraya	24
Carta 4 : Carta aliran kerja pendaftaran borang	37
Carta 5 : Carta Organisasi Unit Khas Pemeriksaan Penumpang, Kedai Bebas	43
Carta 6 : Carta aliran kerja pelepasan dagangan eksport Cukai dan Gudang Berlesen Awam	48
Carta 7 : Carta Organisasi Unit Dagangan Keretapi	52

<b>Senarai Gambar</b>	<b>Muka surat</b>
1: Logo Kastam Diraja Malaysia	2
2: Logo ABID	4

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Sebagai pelajar di bawah program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran), Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi adalah diwajibkan menjalani Latihan Industri selama 12 minggu. Pelatih telah memilih organisasi Kerajaan iaitu Kastam Diraja Malaysia Padang Besar, Perlis dan di tempatkan unit Import dan Eksport untuk menjalani latihan industri. Di bahagian ini terdapat tiga unit yang beroperasi iaitu Unit Dagangan Jalanraya, Unit Khas Pemeriksaan Penumpang, Kedai Bebas Cukai dan Gudang Berlesen Awam serta Unit Dagangan Keretapi. Melalui unit yang berlainan, pelajar dapat memahami dengan lebih mendalam mengenai sistem kerja yang terdapat di unit masing-masing, di samping mempelajari aspek-aspek pentadbiran dan pengurusan sesebuah jabatan kerajaan. Pelatih telah mengenal pasti 3 penemuan sistem kerja, iaitu di bahagian sistem aliran kerja bahagian Unit Dagangan Jalanraya, manakala Unit Khas Pemeriksaan Penumpang, Kedai Bebas Cukai, dan Gudang Berlesen Awam di letakkan di bawah satu unit serta Unit Dagangan Keretapi.

Unit Dagangan jalanraya (UDJR) merupakan penyumbang utama pungutan hasil Kastam negeri Perlis iaitu sebanyak 90%. Masalah yang dihadapi di unit ini adalah kesesakan lori-lori kontena di kawasan tersebut disebabkan oleh pendaftaran borang ikrar yang kurang efisien. Keadaan ini menyebabkan ramai pemandu-pemandu lori kontena terpaksa menunggu dengan lebih lama.

Unit kedua adalah Unit Khas Pemeriksaan Penumpang, Kedai Bebas Cukai dan Gudang Berlesen Awam. Ketiga-tiga unit ini diletakkan di dalam satu bumbung. Ketika berada di unit ini pelbagai pengalaman yang dapat dirasai dan dilihat antaranya gelagat pelancong yang melalui pintu masuk negara, perniaga, orang ramai dan sebagainya yang melalui laluan sempadan imegresen. Unit ini bertanggungjawab dalam mengawal ketiga-tiga bahagian tersebut.

Manakala unit terakhir adalah unit dagangan keretapi (UDKA). Unit ini mengawal dua aktiviti kerja iaitu pemeriksaan penumpang keretapi dan bertanggungjawab juga dalam mengendalikan pengimportan dan pengeksportan barang-barang dari/ ke Malaysia melalui keretapi. Masalah yang dihadapi di unit ini adalah kekurangan kakitangan dan masalah pengawalan keretapi landbridge.